

01/02/2003

Ahli MIC beli undi akan dipecat

KUALA LUMPUR: MIC memberi amaran akan memecat ahlinya yang cuba membeli undi sama ada menggunakan wang atau menawarkan pakej percutian, terutama ke Thailand, menjelang pemilihan ketua cawangan dan bahagian parti itu.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) parti pernah menerima dua aduan mengenai perbuatan seumpama itu pada pemilihan MIC 2000, tetapi tidak dikenakan sebarang tindakan kerana ia tidak termaktub dalam undang-undang parti.

"Bagaimanapun, tahun ini kita sudah memperkenalkan syarat baru di mana CWC mempunyai kuasa mengambil tindakan jika terbukti ada yang cuba memancing undi menggunakan rasuah kerana amalan seumpama ini menjejaskan peluang calon yang benar-benar layak.

"Pada masa yang sama, CWC juga sudah mengeluarkan arahan kepada semua ahli MIC supaya lebih berdisiplin apabila mengundi dan tidak mencetuskan sebarang huru-hara atau pergaduhan sepanjang tempoh pemilihan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat CWC di ibu pejabat MIC di sini, semalam.

Beliau berkata, pemilihan peringkat cawangan perlu diselesaikan sebelum 28 Februari manakala pemilihan bahagian sehingga 31 Mac dan badan perhubungan negeri perlu dipilih menjelang 30 April.

Pemilihan Presiden MIC pula dijadual pada 30 Mac 2003 dan penamaan calon ditetapkan pada 8 Mac ini.

Kata Samy Vellu, semua proses pemilihan akan diselesaikan sebelum Perhimpunan Agung MIC Ke-57 pada 10 dan 11 Mei ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), yang dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perhimpunan Agung kali ini dijangka dihadiri kira-kira 1,400 perwakilan, 2,000 pemerhati jemputan serta 5,000 pemerhati bebas.

Dalam perkembangan lain, Samy Vellu juga memaklumkan bahawa bahagian MIC Cameron Highlands yang sebelum ini bergabung dalam bahagian MIC Kuala Lipis kini dipisahkan menjadi dua bahagian berasingan berikutan peningkatan ahli serta kedudukannya yang agak jauh.

Katanya, MIC juga akan memikirkan penubuhan cawangan baru dan rombak bahagian selepas persempadanan pilihan raya selesai dilakukan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Mengenai perkembangan Puteri MIC pula, Samy Vellu berkata keahlian pergerakan itu sudah mencapai 2,900 orang, termasuk 800 graduan dan dijangka meningkat kepada 10,000 orang dalam tempoh enam bulan lagi berdasarkan ramalan ketua penajanya, Datuk Anusha Santhirasthipam.